

Unsyiah Banda Aceh kunjungi UMP



Baru-baru ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima kunjungan daripada empat orang pensyarah dan 30 pelajar Universitas Syiah Kuala (Unsyiah), Banda Aceh. Kunjungan tersebut turut disertai oleh Timbalan Rektor Fakultas Ekonomi Unsyiah, Dr Ridwan bin Ibrahim dan dua pegawai serta empat pelajar dari Universiti Malaya (UM).

Kunjungan ini merupakan kunjungan balas memandangkan sebelum ini UMP yang diwakili oleh staf Unit Keusahawanan dan Inovasi Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta dua orang pelajar telah melawat Unsyiah. Rombongan disambut oleh Dekan JHEPA, Prof. Dr. Abdul Jalil bin Borham. Di kesempatan itu juga, ahli rombongan telah dibawa melawat ke gerai pameran di Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) Zon Timur yang berlangsung pada 28 Februari 2009 yang lalu di Kompleks Sukan, UMP.

UMP turut disajikan dengan satu persembahan daripada mahasiswa Aceh yang dinamakan tarian "Likok Pulo" iaitu sejenis tarian yang disinambungkan dengan lagu yang menceritakan sejarah Aceh serta cerita rakyat yang berunsur nasihat. Majlis ini berakhir dengan sesi bergambar dan kemudiannya delegasi Unsyiah dibawa ke bandar Kuantan bagi melawat Pusat Kraftangan, kawasan industri kecil sederhana di Tanjung Lumpur serta pantai Teluk Cempedak.